

SOALAN NO: 122

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD

TARIKH: -

SOALAN:

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan garis panduan khusus bagi menyelaraskan gaji pekerja rakyat tempatan dan warga asing serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengawal gaji pekerja warga asing yang sering kali dilihat lebih tinggi daripada gaji warga tempatan.

PR-1341-T72489

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa pelaksanaan gaji minimum dengan membezakan mengikut kewarganegaraan adalah tidak sesuai dilaksanakan.

2. Pendirian Kerajaan dalam menetapkan kadar gaji minimum yang seragam antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah berasaskan sebab-sebab berikut:

- (i) Pertamanya, dasar gaji minimum hendaklah tidak mendiskriminasi seseorang pekerja atas alasan kewarganegaraan, selaras dengan Konvensyen ILO No.100: *Equal Remuneration* yang mana telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997;
- (ii) Keduanya, seksyen 60L Akta Kerja 1955, seksyen 118B Ordinan Buruh Sabah atau seksyen 119B Ordinan Buruh Sarawak tidak membenarkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing. Ini adalah juga selaras dengan keputusan Mahkamah Perusahaan dalam kes Chong Wah Plastics Sdn. Bhd. melawan Idris & Lain-Lain pada tahun 2001, yang mana diputuskan bahawa

pekerja asing layak mendapat gaji yang sama dengan pekerja tempatan bagi melakukan kerja yang sama; dan

- (iii) Ketiganya, bagi menjamin dan memelihara peluang pekerjaan rakyat tempatan agar tidak terjejas. Sekiranya dari segi dasar, pekerja asing dikecualikan dari gaji minimum bakal timbul suatu keadaan di mana majikan akan cenderung untuk terus menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan kerana dapat membayar gaji yang lebih rendah. Ini adalah bertentangan dengan salah satu objektif pelaksanaan gaji minimum iaitu untuk mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir.

3. Memandangkan dasar gaji minimum adalah terpakai sama kepada pekerja tempatan dan pekerja asing dan peruntukan undang-undang sedia ada juga sudah jelas, maka Kementerian tidak berhasrat untuk memperkenalkan sebarang Garis Panduan berhubung perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, tidak timbul isu kadar gaji pekerja asing lebih tinggi daripada pekerja tempatan. Ini kerana pekerja asing turut menanggung kos-kos lain seperti berikut:

- (i) potongan daripada gaji untuk levi pas lawatan kerja sementara (PLKS);
- (ii) potongan daripada gaji mereka bagi kemudahan tempat tinggal tidak melebihi RM50; dan
- (iii) potongan gaji untuk Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) sebanyak RM120 untuk setahun.

5. Perbezaan pendapatan dalam konteks ini mungkin berdasarkan keadaan-keadaan seperti pendapatan yang diterima oleh pekerja asing adalah termasuk bayaran kerja lebih masa (*over time*), elaun-elaun tertentu dan sebagainya.

6. Sehubungan dengan itu, bagi membantu pekerja tempatan dalam mengharungi kenaikan kos sara hidup, Kementerian sangat mengalu-alukan inisiatif majikan untuk memberikan kenaikan gaji yang munasabah atau insentif-insentif bersesuaian untuk memotivasikan pekerja tempatan dan sekaligus meningkatkan pendapatan pekerja tempatan.